

## **Personaliti pendidik yang ideal: apa kata pelajar di institut pengajian tinggi?**

### **Abstrak**

Usaha melahirkan insan yang seimbang dan bersepadu yang cemerlang di dunia dan akhirat amat bergantung kepada proses pendidikan yang diterima. Sistem pendidikan di sesebuah negara seterusnya para pendidik juga turut berperanan untuk mencapai matlamat ini. Justeru, mereka hendaklah menguasai bukan sahaja ilmu pengetahuan bahkan memiliki syakhsiah atau personaliti yang ideal sebagai contoh ikutan para pelajar. Seterusnya, menarik minat pelajar untuk bersama-sama menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Malah, lebih penting lagi menghasilkan pelajar yang berketrampilan dan berkualiti yang bakal menyumbang bakti kepada agama, masyarakat dan negara. Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah untuk meninjau persepsi pelajar di salah sebuah Institut Pengajian Tinggi secara umum tentang ciri-ciri personaliti pensyarah yang ideal dan positif.

**Keyword:** Ideal personality; Educational personality; Higher institution students